



MENTERI SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### RESPON TERHADAP PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) BERHUBUNG PENGURUSAN DANA LATIHAN DAN KEBERKESANAN PROGRAM LATIHAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (HRD CORP)

---

1. Saya mengambil maklum akan hasil **Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)** mengenai isu pengurusan dana latihan dan keberkesanan Program Latihan Pembangunan Sumber Manusia Bhd (HRD Corp). Pihak Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah dan akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada PAC.
2. PAC merupakan satu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Parlimen Malaysia. Saya memahami peranan utama PAC ialah memeriksa dan memantau tadbir urus kewangan negara bagi memastikan ketelusan pengurusan dan pentadbiran kewangan negara diurus secara baik. Justeru, semua prosiding yang diadakan adalah satu proses yang perlu dilalui oleh mana-mana kementerian.
3. Untuk makluman, saya telah dipanggil untuk prosiding ini kerana HRD Corp merupakan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) di bawah seliaan KSM. Oleh yang demikian, adalah wajar untuk saya memberikan keterangan kepada PAC berhubung beberapa prosedur dan operasi HRD Corp yang akan membantu dalam proses siasatan ini.

4. Bagi sesi prosiding ini, saya diminta untuk memberikan penjelasan dan pencerahan mengenai pengurusan dana untuk tujuan Latihan dan keberkesanan Latihan yang dijalankan oleh HRD Corp.
  
5. Saya menggesa semua pihak untuk menghormati prosiding ini dengan sewajarnya dan mengelakkan spekulasi yang boleh menjejaskan serta mempengaruhi peranan PAC dalam proses siasatan ini.

**YB TUAN V. SIVAKUMAR**  
**MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**PUTRAJAYA**  
**27 OKTOBER 2023**